KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	06.02.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JKPTG/PTG PAHANG			

Kosmo 6.2.2022_12

Penduduk Kuala Tahan bantah Skim Tanah Rakyat

JERANTUT – Kira-kira 30 penduduk Kuala Tahan mengadakan bantahan aman semalam selepas tidak berpuas hati dengan pemberian tanah melalui Skim Tanah Rakyat (STR) yang didakwa diberikan kepada 'orang luar'.

Wakil penduduk, Mohamad Anas Zainuddin, 34, berkata, mereka berasa kecewa apabila mendakwa lebih 200 penerima STR merupakan penduduk luar kampung itu dan luar Jerantut.

"Hal ini menyebabkan sebahagian penduduk yang tidak mempunyai tanah berasa tersisih sedangkan penerima luar memperoleh manfaat, seterusnya meragut hak penduduk tempatan terutamanya golongan belia yang berkeluarga.

"Orang luar yang terima faedah skim ini tidak dikenali. Bagaimana mereka boleh tersenarai dan adakah ada kuota tertentu untuk mereka?" soalnya.

Menurut Mohamad Anas, projek STR sepatutnya diberikan kepada 841 penerima terdiri daripada penduduk Kampung Kuala Tahan, namun berdasarkan senarai yang dikeluarkan, lebih 200 penerima dipercayai penduduk luar.

Sementara itu, Mohd. Kamil Hakimi Rozali, 31, memberitahu, projek STR akan dibangunkan dengan tanaman sawit dan pemilik tanah akan memperoleh saham hasil pasaran komoditi tersebut.

Menurut lelaki itu, langkah itu merupakan antara usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar terutamanya golongan belia yang sudah berkeluarga di Kuala Tahan.

"Kami harap kerajaan negeri dapat membantu mencari jalan penyelesaian terbaik dalam isu ini demi kebajikan penduduk di sini," katanya.



SEBAHAGIAN penduduk memegang sepanduk sebagai tanda bantahan berhubung projek STR di Kampung Kuala Tahan, Jerantut semalam.